

17/05/1998

Jakarta tetap terima AS\$250j: PM

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan Malaysia tetap memberi pinjaman AS\$250 juta kepada Indonesia bagi memulihkan ekonominya, meskipun berlaku pergolakan di republik itu atau perubahan kepemimpinan.

"Kita memberi pinjaman kepada negara. Yang jelas sesiapa sahaja mewarisi kerajaan mempunyai tanggungjawab yang sama seperti tanggungjawab mereka kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan badan antarabangsa lain."

"Apabila sesebuah negara meminjamkan bantuan kepada negara lain dan berlaku perubahan kerajaan, ini juga tidak bermakna pinjaman itu akan terhapus," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, semalam kembalinya dari lawatan ke Mesir dan Sudan.

Perdana Menteri diminta mengulas kedudukan bantuan pinjaman kepada Indonesia berikutan rusuhan di negara jiran itu. Pinjaman AS\$250 juta daripada AS\$1 bilion yang dijanjikan sebelum ini, diberikan sementara Indonesia menunggu pakej bantuan IMF untuk memulihkan ekonominya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada IMF wajar dipersalahkan terhadap pergolakan yang berlaku di Indonesia.

Menurut Perdana Menteri, IMF sepatutnya lebih sensitif terhadap kesan sosial apabila mengenakan syarat ke atas negara yang mendapatkan bantuannya untuk menjalankan pemulihan ekonomi.

Katanya, IMF seolah-olah tidak menyedari bahawa ekonomi dan masyarakat mempunyai kaitan rapat.

Ditanya sama ada IMF perlu melonggarkan syarat dan tekanan yang dikenakan terhadap Indonesia, Dr Mahathir berkata, IMF sepatutnya sedar apabila syarat ketat dikenakan ke atas negara yang akan dibantu, rakyat lebih menderita kerana pertumbuhan ekonomi terjejas.

Menurutnya, dalam keadaan masyarakat yang bergantung kepada subsidi, sebarang pengurangan bantuan boleh menyebabkan rakyat bertindak agresif.

"Saya fikir mereka patut lihat apa yang berlaku apabila kita tarik subsidi secara tergesa-gesa dalam masyarakat yang bergantung kepada subsidi."

"Kalau pun kita nak tarik, kita boleh kurangkan sikit demi sikit dan kita harus ingat oleh kerana kejatuhan nilai mata wang, sebenarnya mereka lebih perlu banyak subsidi, bukan kurangkan subsidi."

"Dalam keadaan normal, boleh kurang subsidi, tapi apabila rakyat semakin menjadi miskin dan kita tarik balik subsidi, tentulah rakyat resah dan bertindak lebih ganas," katanya.

Menurutnya, keadaan menjadi rumit apabila kemarahan rakyat bukan saja ditujukan kepada pemerintah, malah golongan peniaga.

"Mereka fikir peniaga adalah golongan yang mengaut keuntungan. Kebetulan pula, kebanyakan peniaga adalah Cina. Malah, dalam keadaan di mana-mana pun, rakyat akan mengambil kesempatan untuk bertindak liar," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pihak yang bertelagah seharusnya duduk bersama dan mencari jalan penyelesaian.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan ada rakyat Indonesia meninggalkan negara itu dan datang ke Malaysia.

"Itu satu kemungkinan tapi saya fikir mereka tak dapat apa-apa datang ke sini," katanya.

(END)